

PENGUNGKAPAN LAFAZ *AL-MA'* DALAM AYAT-AYAT AL-QUR'AN DARI ASPEK RETORIK

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli¹
Mohd Zulkhairi Abd Hamid²

ABSTRAK

E-JITU

Acceptance date:
1st September 2021

Valuation date:
7th September 2021

Publication date:
23rd November 2021

Al-ma' atau air merupakan penciptaan terawal sebelum kewujudan langit dan bumi. Kewujudannya di atas muka bumi membuktikan kewujudan pencipta yang maha kuasa sebagaimana telah dibuktikan menerusi al-Qur'an. Menerusi kajian yang telah direalisasikan oleh para ilmuan terdahulu dan terkini, lafaz al-ma' diungkapkan sebanyak 63 kali kekerapan dalam ayat-ayat yang berbeza. Namun, kupasan dan perbahasannya lebih cenderung perbincangan aspek perkataan dan tafsir sahaja. Pencerahan terhadap setiap pemilihan lafaz al-ma' dalam semua ayat yang berbagai-bagai tidak dihuraikan. Bahkan, kecenderungan kajian terhadap aspek retorik kurang diberikan fokus. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis dan merungkaikan aspek retorik yang terkandung di sebalik lafaz al-ma' pada setiap ayat yang berlainan. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menjadikan al-Qur'an sebagai teras utama dalam mengenalpasti dan menganalisis lafaz al-ma'. Sebanyak tujuh ayat dikenalpasti mengandungi lafaz al-ma' yang hakiki untuk dikaji. Pemilihan ayat-ayat tersebut berpandukan kepada al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an untuk mengetahui lafaz al-ma' dalam setiap ayat yang berbeza. Lafaz tersebut dikupas aspek leksikografi dan kemudian, ia disusuli dengan kupasan aspek balaghah yang dibahaskan secara deskriptif berdasarkan hujah para sarjana terdahulu berkaitan dengan isu berbangkit. Hasil kajian mendapati bahawa pengungkapan lafaz al-ma' dalam al-Qur'an menyerlahkan aspek retorik tersendiri dan ia dapat dibuktikan melalui gaya bahasa balaghah, nazm, ketepatan pemilihan perkataan dan kontekstual ayat.

Kata kunci: al-ma', al-Qur'an, retorik, leksikografi Arab, tafsir

¹ Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kampus Sungai Petani, Kedah. Email mkaz@uitm.edu.my.

² Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Kampus Sungai Petani, Kedah

THE WORDING OF AL-MA' IN VERSES OF AL-QUR'AN THROUGH RHETORIC ASPECTS

ABSTRACT

Al-ma' or water is the earliest creation before the existence of heaven and earth. Its existence on the earth proves the existence of an almighty creator as has been proven through the Qur'an. Based on the studies that have been realized by previous and current scientists, the word al-ma' is mentioned about 63 times in different verses. Nevertheless, discussions is more focused on the wording and interpretation aspects only. The justification of each selection of the word al-ma' in the different Qur'anic verses is not intensified. Even, the tendency of the discussion of the rhetoric aspect also gets less focus. Therefore, this study intends to analyse the aspects of rhetoric on the verses of the Qur'an that containing word al-ma'. This study mostly relies on qualitative approach using the Qur'an as the main source in identifying and analysing the al-ma'. There are seven verses identified for analysis. The selection of the words is based on al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim in order to pin down the position of the words in the different verses. Next, it is followed with Arabic lexicons and rhetoric that analyse descriptively by referring to the views of the past scholars regarding the issues they raise. The results of the study found that the word al-ma' in the Qur'an reflects its own rhetoric aspect which can be proved through language style of rhetoric, nazm, the accurate selection of the word and the contextual verses.

Keywords: *al-ma', al-Qur'an, rhetoric, Arabic lexicon, interpretation*

PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang bermukjizat dan ia diturunkan kepada baginda Nabi Muhammad s.a.w.. Ia menjadi petunjuk dan pedoman kepada kepada manusia seluruh alam. Isi kandungannya meliputi semua aspek kehidupan manusia dan tiada satu pun yang tidak terkecuali. Di samping itu, kemukjizatan dan keagungan al-Qur'an tidaklah bertumpu kepada isi kandungan atau konten semata-mata. Ia turut merangkumi aspek pengungkapan lafaz yang terkandung di dalamnya. Ini kerana pengungkapan al-Qur'an mempunyai nilai kesenian serta estetika yang tinggi dan ia dapat diperhatikan pada penggunaan lafaz dan kalimat. Aspek ini telah digarab oleh para sarjana sejak berzaman seperti yang dapat dilihat menerusi karya al-Jurjani (1991), al-Zamakhshyari (1998) dan lain-lain.

Pada amnya, lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an boleh menginterpretasikan makna *haqiqi* dan *majaz* mengikut kepada kontekstual ayat. Lazimnya, ia diterjemahkan kepada makna air apabila ia digunakan secara hakikat. Namun, dalam konteks tertentu lafaz tersebut boleh membawa maksud hujan atau air yang turun dari langit. Antara contoh yang dapat dilihat ialah menerusi firmanNya yang berbunyi:

﴿أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنَ التَّنْمِرَاتِ مِثْلَ لُؤْلُؤٍ مَّخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ﴾

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya (Fatir 35: 27).

Aspek pengungkapan lafaz *al-ma'* dapat dilihat menerusi kajian al-Sayyid (2017). Ia membincangkan keindahan gaya bahasa *al-tibaq* dalam ayat-ayat dari surah al-Nur. Ayat ke 39 dari surah tersebut mengandungi lafaz *al-ma'* yang dikaitkan aspek gaya bahasa *al-tibaq*. Namun, ia tidak memperincikan keindahan gaya bahasa *al-tibaq* yang dinyatakan. Ia sekadar menyebut perkataan dalam ayat yang berkait dengan gaya bahasa *al-tibaq* dan tiada perbincangan secara ilmiah dan akademik. Kedua, kajian Saihud (2019) yang menghuraikan aspek keindahan *tashbih* dalam surah-surah *makkiyyah*. Menurutnya, pengungkapan lafaz *al-ma'* dapat diperhatikan pada ayat dari surah al-A'raf yang menggambarkan kehidupan semula selepas kematian umpama seperti tanah yang tandus hidup kembali dengan tumbuhan dan tanaman.

Berdasarkan kepada kedua-dua kajian tersebut, aspek retorik menjadi fokus utama kajian. Akan tetapi, kupasan dan perbincangannya tidak menyentuh aspek *balaghah* secara menyeluruh berkaitan lafaz *al-ma'* yang diulang sebanyak 63 kali kekerapannya dalam al-Qur'an dalam semua ayat yang berlainan. Maka, dengan lompangan yang ada ini memberi ruang kepada kajian perlu diwujudkan untuk memperhalusi saki-baki lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk analisis tekstual yang berkaitan tajuk kajian dengan menjadikan al-Qur'an sebagai sumber premier untuk menganalisis lafaz *al-ma'*. Sumber sekunder juga dijadikan sandaran kajian iaitu kajian retorik, tafsir al-Qur'an, kajian linguistik, sastera Arab, rujukan tatabahasa Arab dan sebagainya.

PERINGKAT PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, penelitian difokuskan kepada al-Qur'an yang menjadi sumber utama dalam mengenalpasti korpus yang telah dinyatakan. Korpus tersebut dikutip melalui dua peringkat berikut. Pertama ialah mengenalpasti lafaz *al-ma'*

dalam al-Qur'an terlebih dahulu. Terdapat tujuh lafaz *al-ma'* yang *haqiqi* dikenalpasti berdasarkan kajian terdahulu seperti al-Ansari (1905) dalam kitabnya *Kitab al-Matar* dan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terkini seperti 'Aydah (1990), al-'Abadasah (2002), al-Za'arir (2003), Ubaydiyyah (2003), Muhammad (2010), al-Bakri (2011) dan Yaqoob (2014).

Peringkat kedua ialah mengenalpasti ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi lafaz *al-ma'* dan ia diketahui berdasarkan kajian terdahulu. Kemudian, pemilihan ayat-ayat al-Qur'an tersebut dibantu dengan *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (2001) yang menjadi pilihan utama dalam kajian kerana setiap perkataan dalam kamus ini disusun mengikut susunan huruf dari huruf Alif hingga Ya'. Dari setiap huruf tersebut, disenaraikan lafaz *al-ma'* dari aspek nama surah, kedudukan ayat dan frekuensi penggunaannya atau kekerapan pengulangan dalam al-Qur'an.

PERINGKAT ANALISIS DATA

Lafaz *al-ma'* dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif. Ia dilakukan dengan berpandukan beberapa disiplin ilmu iaitu leksikografi Arab untuk mengenalpasti asal usul lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an berdasarkan kamus klasik Arab. Dua kamus utama digunakan dalam kajian iaitu kamus klasik seperti *Mu'jam Lisan al-Arab* (1999) dan *Taj al-Arus min Jawahir al-Qamus* (2001). Kedua, kamus moden yang digunakan iaitu *al-Mu'jam al-Wasit* (1972).

Kedua ialah aspek retorik yang menjadi kriteria utama dalam menganalisis korpus kajian ini. Justeru, analisis lafaz *al-ma'* akan berteraskan kepada ilmu *balaghah* yang disusun oleh al-Jurjani (1991) yang telah menginspirasi pembahagian ilmu tersebut kepada *bayan*, *ma'ani* dan *badi'*. Analisis *balaghah* yang disusun oleh beliau bergantung kepada beberapa perkara antaranya tatabahasa, kajian linguistik dan sastera.

PERBINCANGAN

Terdapat banyak ayat al-Qur'an mengandungi pengungkapan lafaz *al-ma'* secara hakikat dan *majaz*. Namun, fokus kajian ini lebih kepada lafaz yang hakikat sahaja dan tidak melibatkan pengungkapan secara *majaz*. Perbincangan dimulakan dengan menyingkap aspek leksikografi lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an. Kemudian, kupasan lafaz *al-ma'* dilanjutkan kepada aspek *balaghah*:

Jadual 1 Lafaz *al-ma'* dalam ayat al-Qur'an

Bil	Surah	Ayat	Kekerapan
1	Hud	7, 43, 44	3
2	al-Ra'd	4, 14	2
3	al-Kahfi	29	1

LAFAZ *AL-MA'* DARI ASPEK LEKSIKOGRAFI

Menurut Ibn Manzur (1999), air dalam bahasa Arab disebut menerusi perkataan *al-ma'* dan ia berasal daripada perkataan مَوّه. Perkataan الماء, الماه dan الماءة ialah tiga perkataan yang mempunyai makna sama iaitu air. Asal bagi perkataan الماء ialah ماء dan *hamzah* pada perkataan tersebut telah menggantikan huruf yang asalnya ialah *ha'*. Kata jamak bagi *al-ma'* ialah أمّواة dan مِيَاه. Al-Jawhari (2009) menyatakan bahawa *al-ma'* ialah air yang diminum. Huruf *hamzah* yang terdapat pada الماء ialah huruf yang telah diganti daripada huruf asalnya *ha'* (ماه). Manakala kata jamak bagi *al-ma'* ialah أمّواة dan مِيَاه.

Dalam *al-Mu'jam al-Wasit* (1972) ada disebut bahawa perkataan *al-ma'* ialah cecair yang menjadi pergantungan hidup di bumi. Ia sejenis cecair yang mengandungi unsur oksigen dan hidrogen. Sifat bagi air ialah tidak berwarna, tidak mempunyai rasa dan tidak berbau. Kata jamak bagi perkataan *al-ma'* ialah أمّواة dan مِيَاه. Bersandarkan kepada penghuraian *al-ma'* yang telah dikemukakan ini, dapat disimpulkan bahawa *al-ma'* bermula daripada perkataan ماء yang telah melalui perubahan huruf daripada *ha'* kepada *hamzah*. Dari sudut asal usul, *al-ma'* dikatakan berasal daripada مَوّه dan dari aspek sifat fizikalnya ia sejenis cecair yang tidak mempunyai bau, rasa dan warna. Manakala dari sudut saintifiknya, ia cecair yang mengandungi unsur kimia oksigen dan hidrogen.

LAFAZ *AL-MA'* DARI SUDUT *BALAGHAH*

Pengungkapan lafaz *al-ma'* dari sudut *balaghah* pula akan dibahaskan mengikut susunan ayat dalam jadual 1 yang telah dinyatakan.

1) Surah Hud

a. Ayat 7

﴿وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ لِيَبْلُوكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا﴾

ArasyNya berada di atas air (Ia menjadikan semuanya itu) untuk menguji kamu siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya (Hud 11: 7).

Dari sudut retorik, penggunaan lafaz *al-ma'* dapat diperhalusi pada aspek berikut:

i. al-Ta'rif

Penampilan lafaz *al-ma'* dalam ayat tersebut secara *al-ta'rif* membawa satu maksud yang utuh terhadap konteks ayat. Secara amnya, kandungan ayat tersebut menurut al-Tabataba'i (1997) dan al-Zuhayli (2009) menjelaskan tentang penciptaan langit, bumi dan arasy. Pengungkapan lafaz *al-ma'* dalam ayat menggambarkan kehebatan (*al-ta'zim*) Allah terhadap penciptaan arasy yang berada di atas air.

Penciptaan arasy yang disebutkan dalam ayat ini merupakan satu perkara ghaib yang tidak dapat dibayangkan dan manusia wajib beriman serta mempercayai akan kewujudannya. Keadaan dan bentuk arasy Allah yang boleh berada di atas air tidak mampu untuk diilustrasikan kepada realiti. Apabila menyebut berkenaan arasy Allah, ia menggambarkan bahawa Dia ialah tuhan yang maha agung dan memiliki tahap kedudukan yang tertinggi tiada bandingan serta pencipta kepada alam semesta yang wujud hingga ke hari ini. Dalam surah al-Ra'd ada menyebut:

﴿اللَّهُ الَّذِي رَفَعَ السَّمَاوَاتِ بِعَبْرٍ عَمَدٍ تَرْوَاهَا ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ﴾

Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Ia bersemayam di atas Arasy (al-Ra'd 13: 2).

Sehubungan itu, dapat dinyatakan bahawa air ialah makhluk ciptaan agung dan mulia yang berada di atasnya ialah arasy Allah yang turut merupakan ciptaan agung dan mulia. Ia juga membuktikan kehebatan Allah sebagai pencipta dan pentadbir kepada segala yang ada di alam ini.

ii. Nazm

Melihat kepada aspek ini, dapat diperhatikan jalinan perkataan antara *كان* dan *al-ma'* dalam ayat tersebut. Pengungkapan kata kerja *كان* dalam bentuk *madhi* menerangkan bahawa arasy Allah telah berada di atas air pada masa lalu sebelum terciptanya langit dan bumi (al-Zuhayli, 2009).

Malah, ia juga menunjukkan bahawa arasy Allah bukan sahaja berada di atas air pada masa lalu tetapi masih tetap di atas air hingga kini. Bertitik tolak dari penggunaan kata kerja tersebut, ia menjelaskan bahawa air telah wujud pada masa lalu dan arasy Allah berada di atasnya. Air yang menanggung arasy Allah bukanlah air laut atau sebarang air yang disangkakan. Ia air yang diciptakan Allah sebagaimana dikehendakNya.

Seterusnya, terdapat juga pengungkapan kata kerja *mudari'* yang tampil dalam ayat iaitu *ييلو*. Terdapat dua kata kerja berbeza digunakan dalam satu ayat yang sama iaitu satu berbentuk *madhi* dan satu lagi ialah *mudari'*. Oleh itu, dapat

dinyatakan di sini bahawa pengguna kata kerja *madhi* dalam ayat tersebut sebagai membuktikan air, arasy, langit dan bumi ialah ciptaan awal yang telah ada pada masa lalu dan tiada manusia yang wujud lagi pada ketika itu.

Semua ciptaan tersebut ada dan kekal hingga hari ini. Sedangkan penggunaan kata kerja *mudari* pula sebagai menjelaskan bahawa makhluk ciptaan selepas itu yang wujud dan sedang berada di atas muka bumi ialah manusia hingga ke hari ini. Ia ditujukan khusus kepada manusia untuk melihat sejauh mana mereka melakukan amalan dan kebajikan terhadap ciptaanNya yang telah wujud sekian lama iaitu bumi, langit dan air.

b. Ayat 43

﴿قَالَ سَتَأْوِي إِلَىٰ جَبَلٍ يَعْصِمُنِي مِنَ الْمَاءِ﴾

Anaknya menjawab: “Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan daku daripada ditenggelamkan oleh air” (Hud 11: 43).

Dalam ayat ini, pengungkapan lafaz *al-ma*’ dapat diperhalusi pada dua aspek yang berikut:

i. al-Ta’rif

Pengungkapan lafaz *al-ma*’ secara *al-ta’rif* dalam ayat menggambarkan satu ancaman kepada anak Nabi Nuh. Jika diperhalusi pada ayat ini, ia sebenarnya satu dialog berbentuk dua hala antara Nabi Nuh dan anaknya ketika menghadapi detik cemas banjir besar. Hal ini dijelaskan oleh al-Zuhayli (2009) bagaimana psikologi anak Nabi Nuh pada ketika itu berada dalam keadaan cemas serta tiada harapan untuk selamat dari banjir tersebut. Namun, ia ditutupi dengan rasa keyakinan bahawa akan selamat dari banjir tersebut apabila berselindung di gunung.

Walaupun dialog tersebut berlaku antara Nabi Nuh dan anaknya secara khusus, hakikatnya ia ditujukan pada semua manusia atau pengikut Nabi Nuh pada ketika itu yang ingkar dengan seruan dakwahnya. Oleh itu, partikel *al* pada lafaz *al-ma*’ yang diungkap dalam ayat ini bukan hanya ancaman yang ditujukan kepada anak Nabi Nuh semata-mata malah kepada semua sekali yang ada pada masa itu termasuklah isteri Nabi Nuh. Justeru, peristiwa yang berlaku ini digambarkan oleh Allah menerusi ayat yang lain dari surah al-Tahrim:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأَتَ نُوحٍ وَامْرَأَتَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنَّا عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّٰخِلِينَ﴾

Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang-orang kafir (berhubung rapat dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman dengan sebenar-benarnya) iaitu perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati) dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat Nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang-orang yang masuk (ke situ) (al-Tahrim 69: 10).

Sehubungan itu, apa yang dipaparkan dalam ayat tersebut membawa kepada pembaca supaya merenung bahawa sesuatu azab atau balasan yang diturunkan Allah itu tidak ditimpakan kepada seseorang atau sekelompok kecil manusia sahaja bahkan merangkumi semua manusia dan makhluk sekaligus.

ii. Nazm

Berpandukan ayat tersebut, perkara yang menjadi perhatian ialah struktur susunan perkataan menjadi padanan dalam sesuatu ayat. Daripada penelitian terhadap struktur ayat ini, perkataan *أوي* boleh dipadankan dengan perkataan *جبل* dan perkataan *يعصم* boleh dijalinan dengan *الماء*.

Apabila dilihat kepada konteks ayat, pengungkapan *أوي* bersama perkataan *جبل* menunjukkan gunung sebagai tempat berlindung. Penggunaan kata kerja *أوي* di sini merujuk kepada perlindungan berobjek atau konkrit yang dapat dilihat oleh pancaindera. Pengungkapan kata kerja *أوي* ini diiringi dengan partikel *إلى* selepasnya menyerlahkan lagi struktur maksud ayat bahawa perlindungan yang digambarkan ini ditujukan kepada sesuatu tempat atau seseorang. Ini bermakna, pada ketika itu anak Nabi Nuh hanya bergantung kepada gunung semata-mata untuk menyelamatkan diri dan bukannya bergantung kepada Allah sebagai perlindungan. Perkara ini bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh al-Zuhayli (2009) bahawa anak Nabi Nuh berkata kepada baginda bahawa dia akan berlindung dengan gunung untuk menyelamatkan diri daripada banjir yang disangkakan itu sekadar banjir biasa sahaja.

Manakala kata kerja *يعصم* pula menggambarkan situasi ketika detik cemas untuk menyelamatkan diri dari *al-ma'* (air) yang menjadi azab kehancuran. Pada asasnya, air ialah sesuatu yang tidak merbahaya namun dipaparkan dalam ayat ini sebagai azab kerana kekuatannya untuk menghancurkan menyebabkan tiada siapa dapat terselamat daripadanya dengan apa jua cara sekalipun atau mengelak

daripada terkena azab tersebut. Ini bermakna, *al-ma'* dalam ayat ini memberikan gambaran psikologi berbentuk *tarhib* (ancaman).

Dari sudut yang lain pula, kata kerja *أوي* dan *يعصم* dalam ayat tertera sebagai kata kerja *mudari'* yang menerangkan perihal sesuatu peristiwa sedang berlaku atau akan berlaku. Walhal, peristiwa yang dilakarkan dalam ayat al-Qur'an ini sebenarnya telah berlaku pada satu masa yang telah lalu dan lama. Rasional di sebalik penggunaan kata kerja *mudari'* ini ialah sebagai satu pengajaran dan peringatan kepada semua manusia. Ia membawa manusia kepada bayangan realiti seolah-olah mereka berada dalam situasi ketika banjir besar dan menyaksikan sendiri bagaimana azab tersebut berlaku.

c. Ayat 44

﴿وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكِ وَيَا سَّمَاءُ أَفْلَعِي وَغِيضَ الْمَاءِ﴾

Dan diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi, telanlah airmu dan wahai langit, berhentilah dari curahan hujanmu. Dan surutlah air (Hud 11: 44).

Pengungkapan *al-ma'* dalam ayat tersebut dapat diperhalusi aspek *balaghah* seperti berikut:

i. Isti'arah

Pengungkapan lafaz *al-ma'* dalam kedudukan ayat al-Qur'an ini dapat diserlahkan menerusi ungkapan *ابلعي ماءك* (telanlah airmu) (al-Darwish, 1992). Apabila diperhatikan pada kata kerja *ابلعي* ini, perbuatan menelan itu pada asalnya lebih kepada perbuatan manusia. Sehubungan itu, makna di sebalik kata kerja tersebut ialah makna pinjaman yang diterjemahkan kepada makhluk selain manusia.

Penggunaan gaya bahasa *isti'arah* dalam ayat ini menggambarkan bagaimana bumi menelan semua air yang ada pada ketika itu seperti manusia membuka mulutnya dan menelan sesuatu masuk ke dalam perutnya. Seolah-olah bumi seperti kelaparan lalu menelan semua air banjir tersebut yang mengandungi tanaman, tumbuhan, pokok-pokok dan sebagainya yang telah ditenggelamkan masuk ke dalam perut. Begitulah gambaran yang dilakarkan dengan membayangkan bumi membuka mulut seluas-luasnya dan menelan semua air masuk ke dalam perutnya hingga lenyap.

Oleh yang demikian, tujuan di sebalik gaya bahasa *isti'arah* yang ditonjolkan dalam ayat ini ialah untuk mengajar manusia dan pembaca supaya merenung akan

kekuasaan Allah dalam memerintahkan bumi menelankan airnya. Secara zahirnya, ia sesuatu yang mustahil bumi mempunyai mulut untuk membuka dan menelan tetapi dari sudut *bayan* ayat ini, ia adalah kekuasaan Allah untuk menjadikan bumi menelan air atau apa sahaja yang ada di atas muka bumi ke dalam perutnya melalui berbagai-bagai cara.

ii. Nazm

Berpandukan kepada ayat tersebut, ia dimulakan dengan satu seruan (يا) terhadap bumi dan langit sebagai satu gambaran betapa Allah memuliakan mahluk ciptaanNya itu dengan sepenuh penghormatan menerusi ungkapan *يا أرض* dan *يا سماء* (Mahmud Safi, 1995). Panggilan tersebut bukan sekadar menunjukkan rasa penghormatan kepada kedua-dua ciptaanNya seperti yang dinyatakan. Malah, ia satu pengiktirafan dari Allah yang mengiktiraf bumi dan langit sebagai makhluk ciptaan terawalNya yang sentiasa patuh pada perintah serta berada dibawah kekuasaanNya.

Ia digandingkan dengan dua kata kerja *amr* (perintah) iaitu *ابلي* dan *اقلي*. Pada asasnya, kata kerja *amr* lazimnya menterjemahkan satu bentuk arahan atau perintah yang keras dan tegas. Ia menunjukkan satu kuasa yang mutlak berautoriti dan tidak boleh disangkal. Namun, dengan panggilan atau seruan tersebut menjadikan perintah dan arahan Allah kepada bumi dan langit tampak bersifat halus lemah lembut serta beradab santun dalam memberikan sesuatu perintah.

Manakala lafaz *al-ma'* pula tampil sebagai *idhafah* apabila ia digandingkan dengan *damir* (ك). Gandingan ini memberik isyarat bahawa air yang diperintahkan kepada bumi untuk ditelan itu seolah-olah dikeluarkan oleh perut bumi sendiri dengan kehendaknya. Walhal, semua itu atas kehendak dan kekuasaanNya. Maka, input dari struktur *nazm* terhadap pengungkapan perkataan dalam ayat al-Qur'an ini memberikan refleksi atau kesan kepada pembaca terhadap kesantunan dan ketertiban sesuatu lafaz yang diungkapkan dalam menyampaikan mesej tersirat.

2) Surah al-Ra'd

a. Ayat 4

﴿وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُّتَجَاوِرَاتٌ وَجَنَّاتٌ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنَوَانٍ غَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ﴾

Dan di bumi ada beberapa potong tanah berdekatan dan padanya ada kebun-kebum anggur dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar yang berumpun

dan yang tidak berumpun semuanya disiram dengan air yang sama (al-Ra'd 13: 4).

Berpandukan ayat ini, pengungkapan lafaz *al-ma'* dari aspek retorik dibincangkan seperti berikut:

i. al-Tankir

Berdasarkan potongan ayat tersebut, lafaz *ma'* ditampilkan kepada bentuk *nakirah* atau *al-tankir* yang menyerlahkan kehebatan air mengeluarkan tumbuhan dan tanaman yang berbagai-bagai.

Menurut al-Qurtubi (2006), ayat ini ingin mengajar manusia supaya merenung dan membandingkan penciptaan Allah dengan penciptaan manusia. Penciptaan Allah terhadap makhlukNya iaitu air amatlah hebat kerana dengan air yang sama turun dari langit sahaja ia mampu menumbuhkan tanaman serta mengeluarkan hasilnya yang berbagai-bagai. Walhal, tanaman yang terhasil itu keluar daripada tanah yang berbeza-beza dari segi sifatnya, warna, kesuburan, bentuk dan lain-lain mengikut kesesuaian jenis tanaman. Dalam ayat yang lain dari surah Qaf menyebut:

﴿وَنَزَّلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبَارَكًا فَأَنْبَتْنَا بِهِ جَنَّاتٍ وَحَبَّ الْحَصِيدِ﴾

Dan juga Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya lalu Kami tumbuhkan dengan air itu pokok-pokok tanaman (buah-buahan) dan biji-bijian yang dituai (Qaf 50: 9).

Jika dibandingkan dengan ciptaan atau rekaan manusia sebagai contohnya minyak yang digunakan pada kereta. Sebuah kereta yang dihasilkan oleh manusia tidak dapat menggunakan satu minyak yang sama. Ia memerlukan minyak khas untuk enjin, minyak khas untuk brek dan lain-lain. Tidak semua jenis kereta yang dicipta menggunakan satu minyak yang sama kerana spesifikasi setiap kereta berbeza-beza. Pendek kata, ciptaan manusia tidak mampu menandingi penciptaan Allah menerusi air yang sama boleh mengeluarkan berbagai-bagai jenis tanaman dan tumbuhan walaupun berbeza spesifikasi fizikal tanah dan sebagainya. Kesimpulannya, pengungkapan lafaz *ma'* dalam ayat menunjukkan *ta'zim* iaitu kehebatan Allah dalam penciptaanNya.

b. Ayat 14

﴿وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُم بِشَيْءٍ إِلَّا كَبَاسِطٍ كَفَّيْهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبَالِغِهِ﴾

Dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya (al-Ra'd 13: 14).

Berdasarkan ayat tersebut, pengungkapan lafaz *al-ma'* dapat dibahaskan aspek retorik seperti berikut:

i. Tashbih

Lafaz *al-ma'* yang tertera dalam ayat ini merupakan satu perumpamaan (*tashbih*) yang menyerlahkan gambaran di sebalik ayat. Umumnya, gambaran yang dilakarkan ini berkenaan tentang penyembahan selain dari Allah (Mahmud Safi, 1995).

Kandungan daripada ayat tersebut menerangkan bahawa penyembahan selain dari Allah serta pergantungan selainNya hanya sia-sia sahaja. Segala apa yang diminta pada berhala akan menyebabkan permintaan itu tidak dikabulkan. Penyembahan yang dinyatakan ini dibandingkan dengan kedua tapak tangan yang terbentang pada air untuk sampai ke mulut. Tetapi, ia tidak akan sampai ke mulut. Ia memberikan isyarat bahawa penyembahan berhala dalam apa jua bentuk dan keadaan sekali pun tidak akan memberikan manfaat kepada penyembahnya.

Sehubungan itu, gambaran ayat ini dibandingkan dengan air kerana ia cecair yang bersifat tidak statik iaitu tidak dapat digenggam. Air tatkala digenggam, dipukul, ditepuk dan sebagainya ia berderai. Justeru, sifat air ini dilakarkan pada penyembahan dan pergantungan kepada berhala dikatakan tidak statik kerana ia penyembahan yang berderai. Berbeza dengan penyembahan dan pergantungan kepadaNya, ia membentuk satu tali pergantungan yang mengukuhkan hubungan antara hamba dengan tuhanNya dan mengabulkan segala permintaan hamba. Perkara ini dinukilkan dalam surah al-Baqarah:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي قَرِيبٌ أَجِيبْ دَعْوَةَ الدَّاعِي إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ﴾

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka) Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu) dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul (al-Baqarah 2: 186).

Kesimpulannya, penyembahan kepada berhala dan pergantungan kepadanya tidak memberikan apa-apa erti dalam kehidupan khususnya mereka yang ingkar dan tidak beriman kepada Allah.

3) Surah al-Kahfi

a. Ayat 29

﴿وَإِنْ يَسْتَعِثُّوا يُعَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ﴾

Dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka (al-Kahfi 18: 29).

Lafaz *al-ma'* dalam ayat yang dinyatakan tersebut dapat dianalisis beberapa aspek *balaghah* iaitu:

i. Tashbih Mursal Mufassal

Berdasarkan ayat tersebut, lafaz *al-ma'* diungkapkan kepada satu perumpamaan atau perbandingan yang melibatkan kewujudan fungsi *adah al-tashbih* dan *wajh shabah*. Ia membentuk gambaran perumpamaan yang jelas terhadap pengungkapan *al-ma'* dalam ayat (al-Zuhayli, 2009).

Partikal (ك) dalam ayat al-Qur'an ini membentuk satu jaringan atau rangkaian utuh melibatkan dua elemen yang dibandingkan iaitu air dan tembaga cair (المهل). Oleh itu, kewujudan *adah tashbih* (ك) ini memperlihatkan satu perbandingan konkrit yang dapat dibayangi oleh fikiran manusia terhadap tembaga cair yang disediakan Allah bagi mereka yang diazabkan. Manakala *wajh shabah* (يشوي الوجوه) menggambarkan keadaan wajah mereka yang hancur dibakar tembaga cair. Sehubungan itu, *al-ma'* dalam ayat ini ialah pertolongan atau bantuan yang dibandingkan dengan air seperti tembaga cair kerana sifat tembaga cair yang panas itu boleh menjadikan sesuatu yang terkenanya hangus serta hitam terbakar.

Tembaga cair panas yang ditonjolkan dalam ayat sebenarnya menjadi isyarat dan simbolik kepada tahap kepanasan neraka ialah 70 kali ganda daripada kepanasan

api di dunia. Kepanasan yang maksimum itu mengakibatkan wajah penghuni neraka hangus terbakar apabila air tembaga cair tersebut dihampirkan kepada mereka kerana bahang kepanasan neraka tersebut. Apabila air tembaga cair itu diminum sudah tentu ia menghancurkan segala tubuh badan mereka luaran dan dalaman. Demikianlah mesej yang ingin disampaikan di sebalik perbandingan ini.

Sebagai kesimpulannya, segala pertolongan atau bantuan yang disediakan Allah di alam akhirat sana setimpal dengan hukuman yang diterima sama ada di syurga atau neraka. Bandingan yang telah dirungkaikan ini ingin membuka hati dan jiwa manusia supaya merenungkan kembali segala kebaikan dan amalan hidup yang dilakukan di dunia semoga ia menjadi bekalan keimanan sebagai banteng daripada siksaan nerakanya yang amat dahsyat.

ii. al-Tahakkum

Dalam kesenian gaya bahasa *al-tahakkum* ini, al-Zamakhshari (1998) menyebut ia satu ungkapan yang mengandungi unsur mempersendakan. Begitu juga al-Madani (1968) ada mengatakan aspek gaya bahasa ini ialah satu ungkapan yang jelas tetapi mengandungi maksud penghinaan, khabar gembira yang terselitnya amaran, manakala janji terkandungnya ancaman dan pujian pula terselitnya ejekan.

Daripada pengamatan terhadap ayat al-Qur'an tersebut, aspek *al-tahakkum* ini dapat diperhatikan pada ungkapan *يغاثوا بماء كالمهل*. Dalam ungkapan ini, perkataan *يغاثوا* ialah satu ungkapan berbentuk janji yang mengandungi unsur ancaman atau azab di sebaliknya. Ancaman tersebut terpalit pada ungkapan *بماء كالمهل*. Oleh yang demikian, kesenian yang tertera melalui ungkapan tersebut menunjukkan kemurkaan Allah yang amat dahsyat dan menakutkan.

Ini kerana apabila menyebut tentang bantuan atau pertolongan, ia memberikan satu pengertian yang positif. Namun, di sebalik bantuan yang dijanjikan Allah ini ialah satu azab yang tersemat di sebalik pertolongan yang diberikanNya. Ini menunjukkan bahawa antara bentuk azab yang diberikanNya kepada ahli neraka ialah pertolongan berupa azab penuh penyiksaan kepada penduduk mereka. Ia menjadi satu bukti yang menunjukkan bahawa tiada siapa lagi yang boleh memberikan pertolongan dan menjadi pelindung pada hari akhirat kelak melainkan Allah. Bahkan, ini membuktikan betapa Allah tidak pernah memungkir janjiNya kepada manusia yang beriman dan tidak beriman sebagaimana telah dinyatakan dalam ayat dari surah al-Dharyat dan surah Fussilat:

﴿إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَصَادِقٍ﴾

(Sumpah demi sumpah) bahawa sesungguhnya segala yang dijanjikan kepada kamu (mengenai hari akhirat) tetap benar (al-Dhariyat 51: 5).

﴿نَحْنُ أَوْلِيَاؤُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهَى أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدْعُونَ﴾

Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan pada hari akhirat dan kamu akan beroleh-pada hari akhirat-apa yang diingini oleh nafsu kamu, serta kamu akan beroleh-pada hari itu-apa yang kamu cita-citakan mendapatnya (Fussilat 41: 31).

Sebagai kesimpulannya, manusia perlu berwaspada dengan segala peringatan dan amaran yang telah dinyatakan oleh Allah sama ada secara terang atau tersirat. Oleh itu, pengungkapan gaya bahasa *al-tahakkum* ini menyingkap tabir di sebalik satu ancaman yang terpalit pada janji yang telah dikotakan oleh Allah. Ternyata, segala yang dijanjikan oleh Allah kepada manusia sama ada di dunia atau di akhirat tidak pernah sesekali dimungkirinya.

4) Surah al-Qasas

a. Ayat 23

﴿وَلَمَّا وَرَدَ مَاءٌ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْقُونَ مِنْ دُونِهِمْ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصْدِرَ الرِّعَاءُ﴾

Dan tatkala ia sampai di telaga *air* negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternakan masing-masing). dan ia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. dia bertanya: Apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing (al-Qasas: 23).

Pengungkapan lafaz *al-ma'* dalam ayat tersebut dapat dibahaskan aspek *balaghah* seperti berikut:

i. al-Hadhf

Berpandukan kepada ayat tersebut, terdapat aspek *balaghah* yang terserlah iaitu *al-hadhf* dan ia dapat dikaitkan dengan *al-ma'*. Memerhatikan kepada keseluruhan ayat ini, perkataan yang digugurkan tersebut ialah *أغنامهم* atau *مواشيهم* yang berada dalam kedudukan sebagai *maf'ul*. Memetik pandangan Asyraf Hasan Muhammad (2015), beliau ada menyebut bahawa antara tujuan di sebalik penggunaan *al-*

hadhf ialah menunjukkan kemuliaan dan keagungan sesuatu maksud yang kurang jelas atau samar-samar. Begitu juga al-'Umairat (2018) turut menyebut bahawa tujuan di sebalik *al-hadhf* dalam al-Qur'an ialah menjelaskan sesuatu yang samar-samar atau kurang jelas.

Ayat ini dimulakan dengan menyebut air telaga Madyan yang menjadi sumber air utama masyarakat penduduk setempat. Ini bermakna air tersebut bukan hanya sekadar sumber utama masyarakat malah juga minuman kepada binatang ternakan mereka. Justeru, pengguguran *maf'ul* dalam konteks ayat tersebut menggambarkan sifat keprihatinan terhadap binatang ternakan yang ditujukan kepada masyarakat di situ. Tambahan lagi, ia juga menyerlahkan sifat akhlak terpuji Nabi Musa yang ingin ditonjolkan gambaran ayat ini.

Pertama, pengguguran *maf'ul* bermaksud masyarakat setempat di Madyan amat menjaga dan perihatin terhadap suasana kehidupan mereka serta haiwan ternakan mereka. Air yang diambil daripada telaga tersebut dimanfaatkan bersama penduduk masyarakat setempat dan binatang ternakan mereka. Kedua, pengguguran *maf'ul* juga memperlihatkan nilai akhlak Nabi Musa terhadap dua anak perempuan Nabi Shuaib yang sedang menunggu giliran untuk memberi minum binatang ternakannya. Dalam hal ini, perkataan *maf'ul* yang digugurkan menunjukkan bilangan ternakan itu dalam kuantiti yang banyak dan ia tidak dinyatakan berapa. Apabila digugurkan, ia mencerminkan sikap kerajinan dan kesungguhan Nabi Musa membantu dua orang perempuan tersebut untuk mengambil air dan memberi minum kepada binatang ternakan tersebut.

KESIMPULAN

Daripada perbincangan dan kupasan terhadap lafaz-lafaz *al-ma'* yang telah dinyatakan dalam kajian ini, setiap lafaz tersebut mempunyai kesenian *balaghah* tersendiri menerusi aspek *nazm*, *tashbih*, *al-tankir*, *al-ta'rif*, *isti'arah*, *al-tahakkum* dan *al-hadhf*. Setiap gaya bahasa ini menunjukkan bahawa lafaz-lafaz *al-ma'* dalam ayat-ayat yang berbeza mempunyai hikmah serta rahsia kepenggunaannya tersendiri terhadap mesej di sebalik ayat al-Qur'an. Setiap lafaz tersebut mempunyai sebab musabab tersendiri kewujudannya dalam al-Qur'an. Justeru, setiap perkataan yang tertera dalam al-Qur'an mengandungi hikmah dan rasional.

Setiap lafaz *al-ma'* tersebut memberikan penjelasan yang bersesuaian dengan kondisi ayat al-Qur'an serta kisah yang tersirat. Ia mempunyai peranan dalam menjelaskan sesuatu kejadian atau sebab terhadap sesuatu perkara dalam al-Qur'an. Sebagai kesimpulannya, setiap penjelasan dan perincian yang telah dinyatakan adalah bertujuan untuk mengingatkan manusia tentang kebesaran dan kekuasaan Allah yang tiada tolak bandingannya. Ia membawa manusia kepada

berfikir tentang penciptaanNya yang tidak terhitung di atas muka bumi ini. Melalui wahyu yang tertera menerusi ayat al-Qur'an, ia membuka hati dan jiwa manusia dan pembaca kepada kewujudan pencipta yang maha agung lagi maha kuasa.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

Asyraf Hasan Muhammad. 2015. *Min Asrar al-Ijaz wa Suwaruhu fi al-Qur'an Dirasah Balaghiyyah. Majallah Jami'ah al-Madinah al-'Aliyyah* 11(1): 590-631.

al-Baqi, Muhammad Fu'ad Abd. 2001. *al-Mu'jam al-Mufahras li al-faz al-Qur'an al-Karim*. Qaherah: Matba'ah Dar al-Kutub al-Misriyyah.

al-Ansari, Abu Zayd Sa'id bin Aws. 1905. *Kitab al-Matar*. Bayrut: Matba'ah al-Kathulikiyyah.

al-'Abadasah, Fathi Abd al-Aziz. 2002. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim-Dirasah Mawdu'iyyah*. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.

'Aydah, Abd al-Malik. 1990. *Alfaz al-Matar wa al-Sahab wa ma Yattasil Qadiman wa Hadithan-Dirasah Lughawiyyah*. Tesis Sarjana, Kulliyyah al-Lughah al-'Arabiyyah, Ja'mi'ah Umm al-Qura.

al-Bakri, Husayn Muhaysan Khatlan. 2011. *al-Alfaz al-Mu'abbarah 'an al-Matar fi al-Qur'an al-Karim. Majallat Kuliyyat al-Tarbiyyah li al-Banat* 22(1): 1-10.

al-Darwish, Mahy al-Din. 1992. *I'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuhu*. Dimashq: Dar al-Yamamah.

Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

al-Jawhari, Abu Nasr Ismail bin Hammad. 2009. *al-Sihhah Taj al-Lughah wa Sihah al-'Arabiyyah*. Qaherah: Dar al-Hadith.

al-Jurjani, Abu Bakar 'Abd al-Qahir bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). 2004. *Dala'il al-I'jaz*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.

al-Jurjani, Abu Bakar 'Abd al-Qahir bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). 1991. *Asrar al-Balaghah*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.

Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. *Lafz al-Ma' wa ma Yadullu 'Alayhi fi Nusus min al- Tanzil. Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al Asasiyyah* 9(4): 279-297.

Mahmud Safi. 1995. *al-Jadwal fi I'rab al-Qur'an wa Sarfihi wa Bayanihi*. Dimashq: Dar al-Rashid.

al-Madani, al-Sayyid Ali Sadr al-Din bin Ma'sum. 1985. *Anwar al-Rabi' fi Anwa' al-Badi'*. Matba'ah al-Nu'man.

al-Mu'jam al-Wasit. 1972. *Majma' al-Lughah al-Arabiyyah bi*. Qaherah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah

al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

- Saihud, Khaulah Salih, 2019. Jamaliyyah Tashbih fi al-Suwar al-Makkiyyah. *al-Majallah al-Dauliyyah li al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyah*. 9(1): 1-15.
- al-Sayyid, Muhammad Husin Ali, Zul Azhan Abdul Halim & Kamarul Syukri Mat . 2017. Dirasah Tahliliyyah li Muhsanah al-Tibaq fi Suwar al-Nur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 15(1): 159-176.
- al-Tabataba'i, Muhammad Husin. 1997. *al-Mizan fi Tafsir al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-A'lami.
- 'Ubaydiyyah, Fatimah Muhammad. 2003. al-Ma' fi Ayat al-Qur'an al-Karim. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Palestin.
- al-'Umairat, Sulaiman. 2018. Jamaliyyah Ittisa' al-Ma'na fi Uslub al-Hadhf Dirasah Balaghiyyah fi Dau' al-Tafasir al-Qur'aniyyah. *FSM Ilmi Araştırmalar İnsan ve Toplum Bilimleri Dergisi* 11(1): 357-385.
- Yaaqob, Luay Hatem. 2014. al-Dilalat al-Lughawiyyah li al-Ma' fi al-Nas al-Qur'ani Dirasah Balaghiyyah. *Anemon MSU Sosyal Bilimler Dergisi* 2(2): 43-62.
- al-Za'arir, Ghalib Muhammad Raja. 2003. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. Madinah al- Munawwarah: Maktabat Dar al-Zaman.
- al-Zamakhshari, Abi al-Qasim Mahmud bin Umar. 1998. *al-Kasshaf*. al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.
- al-Zabidi, Muhammad Murtada al-Husayni. 2001. *Taj al-'Arus min Jawahir al-Qamus*. al-Kuwayt.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2009. *Tafsir al-Munir fi al-'Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.